



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

SEMINAR PEMATUHAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING, 1974 MELALUI PEMERKASAAN PENDIGITALAN TAHUN 2022

1. **5 OKTOBER 2022, PUTRAJAYA** - Jabatan Alam Sekitar (JAS) sedang mengadakan Seminar Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Melalui Pemeraksanaan Pendigitalan bermula pada 5 hingga 6 Oktober 2022 secara hibrid iaitu kombinasi fizikal dan dalam talian dengan tema **“Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Pemangkin Kelestarian Alam Sekitar”**.
2. Seminar pendigitalan ini merupakan satu inisiatif JAS untuk mempromosi dan memberi pendedahan kepada pihak industri tentang penggunaan sistem aplikasi JAS ke arah pengurusan maklumat alam sekitar yang lebih berstruktur, seragam dan lengkap. Ia juga menyediakan platform untuk pihak industri agar dapat berkongsi dan menyuarakan buah fikiran bagi menambahbaik penyampaian perkhidmatan digital JAS.
3. Sebanyak **220 wakil industri termasuk pihak IPT telah mengesahkan penyertaan**. Peserta akan dilibatkan dalam seminar pendigitalan yang meliputi topik berikut:
 - a. Pendigitalan Pengurusan Bahan Buangan Terjadual di Malaysia;
 - b. Pemeraksanaan Pemantauan Post-EIA;
 - c. Revolusi Penguatkuasaan Alam Sekitar Melalui Teknologi Dron;
 - d. Pemanfaatan teknologi IR4.0 melalui Program Pemantauan Kualiti Alam Sekitar;
 - e. Kelestarian Alam Sekitar Melalui Repositori Data Spatial;
 - f. Penguatkuasaan Pintar Melalui Pemeraksanaan Pendigitalan;
 - g. Pemantapan Kompetensi Melalui Pendigitalan;
 - h. Transformasi Program Kesedaran Alam Sekitar melalui MyRAS 2.0;
 - i. Pengurusan Data Siasatan Insiden Tumpahan Minyak Di Laut;
 - j. Pemodelan dan Ramalan Analitik Data Raya Dalam Proses Membuat Keputusan; dan
 - k. Teknologi Pendigitalan Sistem Pemantauan dan Pengurusan Alam Sekitar.

4. Sebanyak sembilan sistem aplikasi akan diketengahkan dalam Klinik Aplikasi yang akan berlangsung secara fizikal pada 6 Oktober 2022. Peserta berpeluang mendapatkan pembelajaran dan khidmat nasihat secara langsung daripada pegawai JAS yang bertugas.
5. Melalui inisiatif ini, pihak industri juga diharapkan dapat melihat semula keperluan pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan berkaitan. Kejayaan dalam memelihara dan memulihara alam sekitar memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Adalah menjadi harapan JAS agar semua lapisan masyarakat dapat berganding bahu dan membentuk sinergi untuk melindungi alam sekitar dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang berteraskan pembangunan lestari.

-TAMAT-

WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar

Dikeluarkan pada 5 Oktober 2022